

Pelabur Clob wajar pertimbang cadangan sedia ada: Daim

BH 28 JAN 2000

PELABUR Central Limit Order Book (Clob) dinasihatkan supaya menumpukan kepada cadangan penyelesaian sedia ada bagi mengelakkan isu pembekuan sekuriti itu berterusan tanpa dapat diselesaikan.

Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, berkata jika pelabur berkenaan serius untuk menyelesaikan

isu itu mereka mesti melupakan cadangan penyelesaian baru dan pertimbangkan cadangan sedia ada.

"Jangan membuang masa menunggu cadangan penyelesaian baru," katanya selepas merasmikan Persidangan Gabenor Bank Pusat Asia Tenggara (Seacen) di Seri Kembangan, Selangor, semalam.

Katanya, pelabur sepatutnya mempertimbangkan cadangan sedia ada, jika tidak lebih banyak cadangan yang akan datang dan seterusnya akan mengambil lebih lama untuk isu itu diselesaikan.

Sekuriti bursa dagangan tidak rasmi Singapura, Clob sudah dibekukan sejak 1 September 1998 selaras dengan

pengenal langkah kawalan modal berpilih-pilih. Sehingga kini ada enam syarikat persendirian menawarkan penyelesaian isu itu. Kebanyakan cadangan berkenaan membabitkan pembelian tunai sekuriti menerusi pembayaran secara berperingkat dalam tempoh jualan, 12 bulan.

Pelabur Clob bagaimanapun meno-

lak semua cadangan berkenaan.

Sementara itu, ditanya sama ada cadangan pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong selepas Tahun Baru Cina nanti dianggap se-

LIHAT MUKA 20

SES, BSKL perlu cari penyelesaian

BH 28 JAN 2000

DARI MUKA 19

bagai isu Clob kini akan diselesaikan secara inisiatif kerajaan-dengan-kerajaan, Daim berkata: "Tidak."

Katanya, kedua-dua kerajaan bersetuju untuk menyelesaikan isu itu secepat mungkin tetapi ia adalah masalah sektor swasta, Bursa Saham Singapura (SES) dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Kerajaan tidak akan me-

nyelamatkan sektor swasta," katanya.

Katanya, kerajaan tidak akan campur tangan selagi sektor swasta tidak meminta kerajaan berbuat demikian.

"Apa yang perlu dibuat sekarang adalah kedua-dua bursa seharusnya bertemu untuk berbincang mencari jalan penyelesaian tetapi me-

reka belum berbuat demikian," katanya.

Daim juga berkata, beliau baru menjawab surat yang dihantar Menteri Kewangan Singapura, Richard Hu berhubung kontrak Central Depository Pte Ltd (CDP) dan SCANS. CDP juga bertindak sebagai nomini pelabur Clob. Akan tetapi beliau tidak mengulas lanjut.